

TAWARAN BIASISWA SONY EMCS

Oleh: Pn. Noora Md. Yusoff

Sony EMCS Sdn. Bhd. dengan kerjasama Unit Pinjaman dan Kebajikan Pelajar, HEPA UniMAP telahpun membuka permohonan Biasiswa Sony kepada mana-mana pelajar UniMAP yang layak dan berminat pada awal Sidang Akademik bagi Ijazah 2011/2012. Berdasarkan jumlah permohonan yang diterima, satu sesi pemilihan penerima Biasiswa Sony telahpun diadakan pada 21 Oktober 2011 bertempat di Bilik Seminar Institut Matematik dan Kejuruteraan (IMK), UniMAP, Kuala Perlis. Biasiswa yang diwujudkan bagi memberikan semangat serta peluang kerjaya selepas tamat pengajian ini telah dihadiri oleh seramai 17 orang pelajar UniMAP bagi menjalani sesi 'Aptitude Test Session' yang diketuai oleh Encik Soong Kim Wai dari Unit Latihan dan Kompetency, Jabatan Sumber Manusia Sony EMCS yang berlangsung selama dua jam bermula dari pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Unit Pinjaman dan Kebajikan ingin mengucapkan Tahniah kepada pelajar yang telah Berjaya menghadiri sesi tersebut.